



Perkhidmatan Bagi Manusia

# ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG

Penaung: T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang  
Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas,  
S.M.N., D.U.P.N., S.P.D.K., D.P., D.M.P.N., D.J.N.

Presiden: Y. Bhg. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, p.s.m.



Pengerusi/Pemerintah Negeri: Dato' Dr. Yee Thiam Sun, D.S.P.N., K.M.N., D.J.N., P.K.T., P.J.M.,  
MBBS (Agra), MCGP (Mal), FAFP (Mal), FACSM (USA), MSPCard (Rome), LFOM (Ire),  
No. Tel: 04-6560024 (Rum); 012-4383363 (Bimbit)  
E-mail: yeethiamsun@gmail.com

Setiasaha Kehormat Negeri: Dr. Tan Kean Chye, M.D.  
No. Tel: 016-4545629 (Bimbit)  
E-mail: tkchye@sjampenang.org.my

Alamat Ibu Pejabat: 24-A, Jalan Grove, 11400 Pulau Pinang, Malaysia No. Tel: 04-8285972

No. Faks: 04-8293334

E-mail: [admin@sjampenang.org.my](mailto:admin@sjampenang.org.my)

Laman Web: <http://www.sjampenang.org.my>

## PEKELILING NEGERI

Rujukan: SJAM/PP/01/02/002/(2009-3)

15 Jun 2009

Semua Pegawai dan Guru Penasihat,  
St. John Ambulans Malaysia,  
Negeri Pulau Pinang.

Tuan / Puan,

### **Hari Bendera St. John Ambulans Malaysia, Negeri Pulau Pinang**

Hari Bendera tahun 2009 telah ditetapkan pada 4 Julai (Sabtu) dan 5 Julai (Ahad) 2009.

#### **1. Pembahagian Zon & Pengedaran Tin-tin Hari Bendera**

Pembahagian zon & pengedaran tin-tin Hari Bendera akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 27 Jun 2009 (Sabtu)  
Masa : 4:00 ptg  
Tempat : Ibu Pejabat SJAM, Negeri Pulau Pinang.  
(24-A, Jalan Grove, 11400 Pulau Pinang)

Setiap divisyen dikehendaki menghantar wakil untuk mendapatkan tin-tin Hari Bendera dan menjalankan cabutan undi untuk kawasan kutipan derma. Pegawai yang bertugas: En. Mohd. Hassan Badik (016-4321121) dan En. Rosli Yusoff (016-4995310).

#### **2. Pelancaran Hari Bendera**

Pelancaran Hari Bendera tahun 2009 akan diadakan di Ibu Pejabat SJAM, Negeri Pulau Pinang pada 3 Julai 2009 (Jumaat) jam 3:00ptg oleh YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Pada hari tersebut, Ibu Pejabat Negeri akan mengadakan hari terbuka dan mengalu-alukan kehadiran semua pegawai dan ahli-ahli. Makanan akan disediakan.

Semua pegawai dan ahli dijemput hadir dalam pakaian uniform SJAM.

#### **3. Hadiah**

- a) Setiap divisyen akan diberi 10% (5% untuk pembayaran yuran tambang bas + 5% untuk kutipan divisyen) daripada jumlah kutipan divisyen semasa Hari Bendera.
- b) Hadiah Untuk Divisyen:
  - i) Divisyen dengan jumlah kutipan terbanyak akan diberi hadiah.
  - ii) Komisyen untuk divisyen (sebanyak 10%) boleh juga ditukar untuk membeli peralatan Pertolongan Cemas seperti "Little Anne" atau "Choking Charlie" untuk tujuan latihan divisyen-divisyen tersebut.

#### **4. Kutipan Mengikut Kawasan**

Semua pegawai / Guru Penasihat dikehendaki mengingatkan ahli-ahli mereka supaya menjalankan kutipan mengikut kawasan-kawasan yang diaturkan sahaja.

## 5. Kebenaran Ibubapa / Waris

Semua pegawai dan guru penasihat divisyen-divisyen sekolah dinasihati supaya memastikan ahli-ahli SJAM mendapatkan kebenaran ibubapa/waris mereka untuk membuat kutipan derma semasa Hari Bendera.

## 6. Masa Berhenti Kutipan Derma

Ahli-ahli tidak dibenarkan mengutip derma selepas jam 7:00 petang pada hari Sabtu (4 Julai) dan jam 5:00 petang pada hari Ahad (5 Julai 2009). Tin-tin yang diambil pada hari Sabtu mesti dikembalikan pada hari Sabtu dan yang diambil pada hari Ahad mesti dipulangkan pada hari Ahad juga.

## 7. Undang-undang Membuang Sampah

Ahli-ahli diingatkan supaya dilarang membuang sampah di merata-rata tempat. Sesiapa yang melanggar undang-undang ini boleh ditahan / didenda oleh pihak berkuasa tempatan. Bendera-bendera kecil yang berlebihan sila pulangkan dan jangan dibuang merata-rata tempat.

## 8. Bersopan Santun Semasa Kutipan Derma

Semua pegawai dan guru penasihat diminta menasihati ahli-ahli mereka supaya selalu bersopan santun semasa mengutip derma, meminta izin sebelum memasuki bangunan / pejabat, mengucapkan terima kasih dan selalu bersenyum sama ada orang awam menderma atau tidak.

Ahli-ahli mesti diajar bagaimana menjawab sekiranya mereka ditanya soalan seperti:

**“Apakah tujuan SJAM dan apa gunanya derma yang dikutip?”**

Jawapan boleh diberi seperti berikut:

**“SJAM melatih ahli-ahlinya dan orang ramai mengenai prinsip-prinsip dan amalan Pertolongan Cemas, Perawatan dan kesihatan serta perkara-perkara lain yang berkaitan. Ia juga melatih seseorang untuk memberi bantuan Pertolongan Cemas dan Rawatan semasa berlakunya malapetaka atau bila-bila masa sahaja bantuan diperlukan.”**

**“Wang yang dikutip digunakan untuk perbelanjaan pentadbiran harian, menyediakan kemudahan-kemudahan seperti ambulans serta menjalankan kursus dan latihan untuk ahli-ahli serta orang awam.”**

## 9. Pengumuman Berikut Ditujukan Kepada Semua Divisyen di Daerah Pulau Sahaja

- a) Ahli-ahli setiap divisyen akan mengutip derma mengikut jadual giliran seperti berikut:

### **Hari Sabtu**

Sesi Pagi : 7:00 pagi hingga 1:00 petang  
Sesi Petang : 1:00 petang hingga 7:00 petang

### **Hari Ahad**

Sesi Pagi : 7:00 pagi hingga 12:00 tengah hari  
Sesi Petang : 12:00 tengah hari hingga 5:00 petang

- b) Peringatan: Senarai Nama Ahli Bertugas Mengikut Jadual Giliran.  
Sekiranya tuan / puan belum menghantar senarai nama ahli bertugas mengikut jadual giliran ke Ibu Pejabat, sila hantar dengan segera. Kerjasama tuan / puan amatlah dihargai.
- c) Semua pegawai dan ahli mesti melaporkan diri selawat-lewatnya 30 minit sebelum mulakan sesi mereka. Semua ahli dan pegawai mesti beruniform. Rekrut-rekrut mesti berpakaian kemeja-T SJAM. Kemeja-T ini boleh dibeli di Ibu Pejabat SJAM. Seboleh-bolehnya, seorang rekrut mesti ditemani seorang ahli beruniform.
- d) Semua tin yang dikeluarkan untuk sesuatu sesi mesti dikembalikan kepada pegawai bertugas di Ibu Pejabat pada akhir sesi itu. Tin yang berlainan akan dikeluarkan untuk setiap sesi.
- e) Pada hari Sabtu, 4 Julai 2009, ahli-ahli dibenarkan mengutip derma di zon yang ditetapkan untuk divisyen mereka sahaja. Hanya selepas jam 3:00 petang mereka boleh mengutip di zon-zon yang lain. Ini bagi mengelakkan persaingan kutipan derma oleh divisyen yang berlainan di suatu zon.
- f) Semua pegawai / guru penasihat diminta menerangkan hal ini kepada ahli-ahli mereka untuk mengelakkan kejadian tersebut.



Perkhidmatan Bagi Manusia

## ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG

Penaung: T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang  
Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas,  
S.M.N., D.U.P.N., S.P.D.K., D.P., D.M.P.N., D.J.N.

Presiden: Y. Bhg. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, p.s.m.



Pengerusi/Pemerintah Negeri: Dato' Dr. Yee Thiam Sun, D.S.P.N., K.M.N., D.J.N., P.K.T., P.J.M.,  
MBBS (Agra), MCGP (Mal), FAFP (Mal), FACSM (USA), MSPCard (Rome), LFOM (Ire),  
No. Tel: 04-6560024 (Rum); 012-4383363 (Bimbit)  
E-mail: yeethiamsun@gmail.com

Setiausaha Kehormat Negeri: Dr. Tan Kean Chye, M.D.  
No. Tel: 016-4545629 (Bimbit)  
E-mail: tkchye@sjampenang.org.my

Alamat Ibu Pejabat: 24-A, Jalan Grove, 11400 Pulau Pinang, Malaysia No. Tel: 04-8285972 No. Faks: 04-8293334  
E-mail: [admin@sjampenang.org.my](mailto:admin@sjampenang.org.my) Laman Web: <http://www.sjampenang.org.my>

Pada hari Ahad, 5 Julai 2009, ahli-ahli bebas mengutip derma di mana-mana tempat, tetapi dalam Negeri Pulau Pinang sahaja.

- g) Tambang bas **TIDAK AKAN DIBAYAR** kepada ahli-ahli. Walau bagaimanapun, divisyen-divisyen akan dibayar 5% daripada jumlah pungutan mereka tahun ini sebagai elaun pengangkutan hari Bendera. Divisyen-divisyen mesti menguruskan pembayaran elaun pengangkutan ahli-ahli sendiri.
- h) Divisyen-divisyen yang tidak mengambil bahagian pada Hari Bendera **TIDAK AKAN** diberi bantuan seperti "Nursing Veil", "Forage Cap" dan lain-lain. Peraturan ini telah berkuatkuasa mulai tahun 1998.
- i) Makanan akan disediakan untuk semua pegawai dan ahli. Makanan akan diberikan kepada ahli-ahli semasa mereka memulangkan tin-tin mereka pada akhir sesi tugas mereka.
- j) Sila maklumkan kepada ahli-ahli bahawa nombor telefon Ibu Pejabat SJAM ialah 04-8285972 / 016-4195972. Jika timbul sebarang kesulitan, mereka boleh menghubungi Ibu Pejabat dengan segera.

St. John Ambulans Malaysia, Negeri Pulau Pinang, sangat menghargai kerjasama daripada semua pegawai dan ahli untuk menjayakan Hari Bendera tahun ini.

Atas kerjasama semua pihak didahului dengan ucapan terima kasih.

PERKHIDMATAN BAGI MANUSIA

Saya yang menjalankan tugas,

(Dr. TAN KEAN CHYE)  
Setiausaha Kehormat Negeri,  
St. John Ambulans Malaysia,  
Negeri Pulau Pinang.

s.k.

1. Pemerintah Negeri, SJAM Negeri Pulau Pinang.
2. Pengetua/Guru Besar, sekolah-sekolah yang ada divisyen-divisyen SJAM.
3. Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Hari Bendera 2009.
4. Setiausaha Jawatankuasa Pengelola Hari Bendera 2009.
5. Bendahari Kehormat Negeri, SJAM Negeri Pulau Pinang.